

TERMA DAN SYARAT PELAN PEMBAYARAN MUDAH (EPP)

Pelan Pembayaran Mudah (“EPP”) AFFIN BANK dan AFFIN ISLAMIC (“secara kolektif merujuk kepada pihak Bank”) membolehkan Ahli Kad untuk menukar pembelian runcit ke Ansuran bulanan melalui tempoh ansuran yang ditetapkan. Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad, yang mengawal penyediaan kemudahan kad oleh AFFIN BANK / AFFIN ISLAMIC. Sekiranya tidak konsisten dengan mana-mana Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan digunapakai untuk EPP.

1. DEFINISI

- 1.1. Perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut di dalam Terma dan Syarat ini, kecuali konteksnya memerlukan yang selainnya:
 - a. **“Perjanjian Ahli Kad”** hendaklah bermaksud Terma dan Syarat Kad Kredit AFFIN BANK / Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC yang berkaitan dengan penggunaan Kad Kredit AFFIN BANK / Kad Kredit-i (“Kad Affin”) yang dikeluarkan oleh Affin Bank Berhad dan Affin Islamic Bank Berhad yang selepas ini dirujuk sebagai (“pihak Bank”).
 - b. **“Akaun Kad”** hendaklah bermaksud akaun Ahli Kad Kredit AFFIN BANK / Kad Kredit-i AFFIN ISLAMIC.
 - c. **“Ahli Kad”** hendaklah bermaksud pemegang Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank.
 - d. **“Had Limit Kredit”** hendaklah bermaksud had yang diberikan oleh pihak Bank untuk kegunaan Kad.
 - e. **“Ansuran”** hendaklah bermaksud setiap jumlah yang dicaj kepada Akaun Kad pada setiap bulan sepanjang Tempoh Ansuran.
 - f. **“Tempoh Ansuran”** hendaklah bermaksud tempoh yang ditentukan oleh pihak Bank bagi pembayaran secara Ansuran untuk Pembelian Runcit EPP.
 - g. **“Pembelian Runcit”** hendaklah bermaksud transaksi yang dikenakan ke Akaun Kad Ahli Kad untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dari Saudagar EPP yang mengambil bahagian yang kemudiannya diubah menjadi Ansuran dalam Tempoh Ansuran.
 - h. **“Saudagar EPP”** hendaklah bermaksud mana-mana pertubuhan runcit yang mengambil bahagian dalam EPP untuk membenarkan Ahli Kad untuk menukar Pembelian Runcit kepada Ansuran.
 - i. **“Resit Transaksi”** hendaklah bermaksud slip pembayaran yang berkaitan, *Direct Debit Authorization Form*, borang atau kertas yang dibekalkan oleh pihak Bank untuk tujuan merekod, mengesahkan dan membuktikan pembelian atau perkhidmatan yang ditanggung oleh Ahli Kad melalui penggunaan Kad yang akan dikenakan kepada Akaun Kad.
 - j. **“Tarikh Tamat Tempoh Bayaran”** hendaklah bermaksud dua puluh (20) hari dari tarikh penyata Kad seperti yang tertera di dalam penyata Kad Akaun.
 - k. **“Penyata”** hendaklah bermaksud Penyata Akaun Kad berkala yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Ahli Kad yang menunjukkan antara jumlah yang dicaj, tarikh gagal bayaran dan kaedah pengiraan caj kewangan/kadar keuntungan.
 - l. **“Tarikh Penyata”** hendaklah bermaksud hari penyata dihasilkan.
 - m. Perkataan yang menggunakan istilah tunggal adalah termasuk maksud majmuk serta sebaliknya.
 - n. Perkataan yang menggunakan istilah maskulin adalah termasuk maksud feminin.
- 1.2. Definisi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan di dalam Perjanjian Ahli Kad hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan di dalam Terma dan Syarat bagi tujuan EPP.

2. KELAYAKAN

- 2.1. EPP dibuka kepada semua Ahli Kad prinsipal dan/atau tambahan yang baharu atau sedia ada yang mempunyai Akaun Kad yang sah, dalam keadaan yang baik dan mempunyai had kredit yang mencukupi ketika membuat pembelian di Saudagar EPP dan tertakluk kepada kelulusan pihak Bank.
- 2.2. Pembelian Runcit mestilah dibuat dengan Kad Affin yang sah.
- 2.3. Tandatangan Ahli Kad pada Slip Transaksi berfungsi sebagai penerimaan oleh Ahli Kad Terma dan Syarat Jualan Saudagar EPP, Terma dan Syarat di sini. Notis melalui Sistem Pesanan Ringkas (“SMS”) akan dihantar kepada Ahli Kad untuk jumlah Pembelian Runcit tertentu yang ditentukan oleh pihak Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi EPP.

- 2.4. Pihak Bank tanpa memberi sebarang alasan berhak untuk menolak mana-mana permohonan EPP mengikut budi bicara mutlaknyanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Kad Ahli Kad tertunggak atau digantung atau Pedagang Program disyaki telah beroperasi secara menipu dan/atau digantung/ditutup oleh pihak Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun terhadap kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau kesinambungan yang berlaku disebabkan oleh penolakan tersebut.
- 2.5. Setelah permohonan EPP diluluskan, jumlah penuh Pembelian Runcit dianggap sebagai penggunaan had kredit sedia ada/had kemudahan kredit sedia ada Ahli Kad yang akan dipulihkan secara progressif sebagai pembayaran ansuran bulanan.

3. ANSURAN

- 3.1. Ansuran akan dibilkan ke dalam Akaun Kad Ahli Kad dan Ansuran pertama akan bermula setelah permohonan EPP diluluskan dan ansuran yang berikutnya akan dibilkan pada setiap bulan sepanjang Tempoh Ansuran.
- 3.2. Bilangan Ansuran, jumlah setiap Ansuran dan tempoh Ansuran tidak boleh diubah/ditukar tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Bank.
- 3.3. Ansuran bulanan EPP menjadi sebahagian daripada pembayaran minimum dan mesti dibayar sepenuhnya. Sekiranya Ahli Kad tanpa membuat bayaran jumlah ansuran bulanan penuh, kadar faedah / keuntungan biasa berkenaan seperti dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Kad Kredit AFFIN BANK / AFFIN ISLAMIC dan / atau Terma dan Syarat AFFIN BANK / AFFIN ISLAMIC World Mastercard (“Perjanjian Ahli Kad”) akan dicaj ke atas baki jumlah ansuran bulanan EPP.
- 3.4. Sekiranya Ahli Kad gagal membuat bayaran minimum yang telah dinyatakan pada Tarikh Tamat Tempoh Bayaran yang menyebabkan pembatalan kemudahan Kad Affin, EPP ini hendaklah dibatalkan dan baki yang masih ada akan dibilkan kepada Akaun Kad Ahli Kad.

4. PENGECUALIAN LIABILITI

- 4.1. Barangan dibekalkan oleh Saudagar EPP yang terlibat. Pihak Bank hanya menyediakan cara pembayaran melalui penggunaan Kad Affin.
- 4.2. Ahli Kad dinasihatkan untuk memeriksa keadaan jaminan dan tempoh jaminan dengan Saudagar EPP. Kad jaminan diberi dengan barangan, jika berkenaan. Pihak Bank tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkaitan dengan barangan, kebolehdagangan, kualiti, kesesuaian untuk penggunaan dan semua perkhidmatan sampingan. Untuk perkhidmatan dan pembaikan, Ahli Kad hendaklah terus menghubungi Saudagar EPP.
- 4.3. Sebarang pemulangan dan/atau pembatalan barangan oleh Ahli Kad kepada Saudagar EPP hendaklah berdasarkan terma dan syarat pemulangan barangan Saudagar EPP.
- 4.4. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang barangan yang tidak mencukupi, cacat atau rosak atau bertanggungjawab terhadap sebarang pertikaian antara Ahli Kad dan Saudagar EPP dan pihak Bank diberi kuasa untuk terus mendebitkan Ansuran ke Akaun Kad Ahli Kad tanpa mengira apa-apa pertikaian.

5. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 5.1. Ahli Kad dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan kepada Saudagar EPP atau kepada mana-mana pihak ketiga lain seperti data peribadinya yang diperlukan untuk pemprosesan pembelian di bawah EPP, termasuk tanpa batasan *Direct Debit Authorisation Form*.

6. PENAMATAN DAN PENCEPATAN PEMBAYARAN

- 6.1. Pihak Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya berhak untuk menamatkan atau mengantung EPP berkaitan dengan Akaun Kad dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu kepada Ahli Kad.

- 6.2. Walau apa pun terkandung dalam Perjanjian Ahli Kad atau Terma dan Syarat ini, pihak Bank hendaklah setiap masa mempunyai hak mengikut budi bicaranya untuk menuntut pembayaran segera daripada Ahli Kad atau warisnya yang sah atau pentadbir harta pusakanya, semua jumlah Ansuran belum berbayar di bawah Terma dan Syarat ini, sama ada sudah atau belum lagi tertera di dalam penyata bulanan Akaun atau terhutang dan kena dibayar pada Tarikh Tamat Tempoh Bayaran.
- 6.3. Terutama tetapi tanpa mengehadkan sifat mengatasi bagi haknya di bawah Fasal 6.1 dan 6.2 jika:
- a. Akaun Kad dibatalkan atau ditamatkan atau notis pembatalan atau penamatan telah disampaikan kepada Ahli Kad untuk sebarang alasan sekalipun;
 - b. Ahli Kad ingkar dalam pembayaran bagi sebarang amaun yang sudah sampai tempoh di bawah Perjanjian Ahli Kad dan/atau Terma dan Syarat ini;
 - c. Ahli Kad melanggar sebarang peruntukan lain di dalam Perjanjian Ahli Kad dan/atau Terma dan Syarat ini;
 - d. Ahli Kad telah meninggal dunia atau prosiding kemuflian telah bermula terhadap Ahli Kad dan tidak dapat membayar hutang-hutangnya apabila ia perlu dibayar.

7. TERMA-TERMA

- 7.1. Pihak Bank mempunyai hak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terdahulu kepada Ahli Kad dan Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan pindaan tersebut.
- 7.2. Walau apapun yang tersebut di atas, apabila permintaan dibuat oleh Ahli Kad untuk mendapatkan versi dalam Bahasa Inggeris, pihak Bank hendaklah menyediakan kepada Ahli Kad versi dalam Bahasa Inggeris dengan sewajarnya.